


Misteri kehilangan 100 ayam terjawab

KUALA TERENGGANU: Misteri kehilangan lebih 100 ayam kampung yang diternak seorang penduduk di Kampung Titian Hangus, di sini, terjawab apabila seekor ular sawa sepanjang 3.5 meter dan seberat 15 kilogram berjaya ditangkap, kira-kira jam 10.30 malam, kelmarin.

Afendi Omar, 37, berkata, dia hairan melihat ternakan ayam kampung yang diusahakannya sejak dua tahun lalu semakin berkurangan, malah ayam yang dipelihara untuk pasaran musim perayaan juga hilang tanpa sebarang kesan.

"Pada mulanya saya ingatkan ayam itu dibaham musang atau dicuri pihak tidak bertanggungjawab, tetapi jangka-



TUMPAS
...Afendi menunjukkan ular sawa yang ditangkap.

an saya meleset kerana ia sebenarnya menjadi habuan ular sawa sejak dua bulan lalu.

"Saya kecewa apabila ternakan yang sudah sampai umur dan

hanya menunggu masa untuk dijual dibaham ular sawa. Bagaimanapun, ia tidak mematahkan semangat saya untuk terus menternak," katanya.